



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 MEI 2018 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Misi jayakan Smart Selangor 27

Chinapress

- Masalah halangan perparitan C3

Sin Chew Daily

- Masalah halangan perparitan 09

Harian Metro

- Riadah Waktu Malam N29-N31

Berita Harian

- SELAMATAKAN BUMI! M27-M28



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 MEI 2018 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Misi jayakan Smart Selangor
Muka Surat	27

SH 22/5/18 Ms 27.

Misi jayakan Smart Selangor

*MPAJ harap
rakyat beri
kerjasama*

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berharap melalui program yang dianjurkan oleh Smart Selangor, rakyat di Ampang Jaya bersedia memberi kerjasama dalam beberapa program yang akan dimaklumkan kelak oleh *Smart Selangor Delivery Unit*.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, antara sasaran utama dalam program itu adalah kedai runcit, gerai, kendera saji (food truck), medan selera, pasar tani dan pasar malam di ka-



ABD HAMID

wasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan itu.

"Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali telah memberi kenyataan pada Belanjawan Selangor 2018 memaklumkan agar negeri ini akan menjadi Smart State terulung di rantau Asean menjelang 2025," katanya.

Abd Hamid berkata,

Mohamed Azmin juga mahu melihat negeri ini berjaya mempraktikkan Cashless Society menjelang 2022, juga membina infrastruktur dan masyarakat 'cashless'.

"Cashless adalah penggunaan kad kredit, kad debit, cek, kiosk, e-wallet dan online banking. Melalui program Smart Selangor ini adalah besar harapan MPAJ agar masyarakat di kawasan ini juga dapat memberi kerjasama demi kesejahteraan mereka," katanya.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 MEI 2018 (SELASA)	
Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Masalah halangan perparitan
Muka Surat	C3

◆2018年5月22日 星期二

大城

地點：班丹福金山莊商業區

垃圾油漬塞溝渠
承包商尋原因對症下藥

(班丹21日訊) 溝渠阻塞并積滿許多垃圾和油漬，問題已長達2年之久未解決，承包商將于近期清理溝渠的垃圾和了解溝渠阻塞的原因后再對症下藥。

上午聯同安邦再也市議員陳瑞雲和市議會公共衛生組和工程組前往巡視和了解問題。

清潔需商家配合

陳瑞雲指出，根據記錄，負責領養班丹福金山莊的市議員一直懸空，導致無人將投訴帶上市議會。市議會相關小組前往巡視後初步鑑定溝渠結構并沒問題，也發現幾個阻塞的地方。

他指出，疑因衛生關係導致溝渠有許多垃圾、油漬和食物殘渣，因此安邦再也市議會將要求負責當地的垃圾承包商疏通和清理溝渠，可能也需與當地商家配合，以要求部分商家暫時休業讓承包商進行清理工作。

她也呼吁當地商民要注重衛生意識，尤其是市議會承包商清理完畢後要互相配合和維持清潔，否則問題只會不斷發生。

她相信商民只要負責起責任保持衛生環境，即可協助安邦再也周遭的地方達到衛生標準，同時會在來臨的日子與市議員配合舉行各項活動，提高所有人的衛生意識。

黎維福指出，安邦再也市議會所聘請的垃圾承包商會一個星期清理溝渠一次，可是他前往上述地點巡視時發現并不达标。

他也发现沟渠有许多油渍，因此呼吁餐饮业者设立有功效的隔油器，避免沟渠的臭味影响当地居住的居民。

他指出，垃圾承包商曾清理沟渠的垃圾，可是因臭味散发，以致他和提升沟渠。

他说，即使在安邦再也市议会管辖范围内，许多垃圾清理的工作都已转交给雪州子达鲁益山集团(KDEB)处理，不过班丹福金山莊和太子园的垃圾目前依然由垃圾承包商处理。

他指出，班丹福金山莊的垃圾承包商的合约是在6月30日截止，7月1日就会转交给达鲁益山集团接手。

“太子园的Paragon购物中心附近也堆积了许多非法和大型垃圾，可见这些承包商并没有履行工作，所以雪州政府就希望各地方政府都将垃圾处理工作交由达鲁益山集团，以统一和系统化管理。”

承包商每週清潔一次

7月換承包商

“將溝渠清理後若發現溝渠結構已損壞，當局就會提呈申請，以更換和提升沟渠。”

他指出，班丹福金山莊的垃圾承包商的合約是在6月30日截止，7月1日就會轉交給達魯益山集團接手。

“太子園的Paragon購物中心附近也堆積了許多非法和大型垃圾，可見這些承包商並沒有履行工作，所以雪州政府就希望各地方政府都將垃圾處理工作交由達魯益山集團，以統一和系統化管理。”

他坦言首次以州議員的身分在蓮花苑召開記者會，并現場考察和了解安邦再也市議會在溝渠方面的基本操作。

當地商家余有成(52岁)指出，在4年的時間，他只看過承包商清理溝渠3至4次，也多次針對溝渠阻塞的問題向當地的管理層

黎維福指出，班丹福金山莊早前屬於班丹英達(前稱千百家)州議席的管理範圍，因此蓮花苑的團隊開設在當地服務，目前已劃分進蓮花苑，因此他將監督。

他也提請選民若有任何問題應透過正確的管道作出投訴，而不是口頭投訴。

他也坦言首次以州議員

黎維福(右)和陳瑞雲(左)帶同官員前往當地了解溝渠阻塞的問題。

官員打開溝渠蓋後，發現溝渠堆積許多垃圾；右為黎維福。

黎維福指溝渠使用有功效的隔油器過濾。

黎維福(右)和陳瑞雲(左)帶同官員前往當地了解溝渠阻塞的問題。

官員打開溝渠蓋後，發現溝渠堆積許多垃圾；右為黎維福。

黎維福指溝渠使用有功效的隔油器過濾。



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 MEI 2018 (SELASA)	
Akhbar	Sin Chew Daily
Tajuk Berita	Masalah halangan perparitan
Muka Surat	09

星洲日报 大都會 社區報 22.5.2018 星期二 09

後巷溝塞發惡臭

商家投訴衛生情況糟

SD 22/5/18
M/S 09

焦點社區
班登福全山莊馬朱3/1路

(安邦21日讯)班登福全山莊商家申訴，馬朱3/1路後巷溝渠嚴重阻塞及發出臭惡味，嚴重影響該區的衛生情況！

余有成：逢雨污水滿溢路面

商家余有成(52歲)表示，該區的溝渠是U型水涵，而洪生茶室就處於地勢最低點，面對溝渠阻塞問題已久，尤其馬朱3/1路後巷的溝渠嚴重阻塞，適逢下雨就會出現溝渠水滿溢倒流至路面。

“儘管我多次向管理層及安邦再也市議會投訴，惟在過去10年內，只看見市議會3至4次前來清理溝渠的垃圾。

他今日在希盟行動黨蓮花苑州議員黎濶昌、安邦再也市議員陳瑞雯及市議員官員陪同下，前往該後巷巡視時，如此表示。

陳瑞雯：
要求承包商速清理

陳瑞雯表示，該團隊在第14屆全國大選競選期間接獲班登福全山莊商家投訴該區後巷溝渠阻塞問題，因此周一偕同黎濶昌及市議會固體垃圾清潔組及工程組等官員前往巡視。

“我們在巡視後發現溝渠有數個阻塞點，我們會要求承包商盡快安排清理溝渠，再檢查溝渠結構是否有破損。”

她說，由於溝渠阻塞引起衛生問題，市議會將會與小販配合，要求他們暫時休業，以方便承包商進行清理工作。

“這區的市議員名額早前懸空，或因此導致後巷溝渠阻塞問題沒有及時處理。無論如何，我們希望商家及民眾的衛生覺醒可獲得提升，讓環境變得更干淨。”

她也說，市議會將會與黎濶昌配合，舉辦更多大掃除活動及美化工程，以打造整潔的環境。

▲余有成：我多次向管理層及安邦再也市議會投訴，惟在過去10年內我只看見市議會3至4次前來清理溝渠的垃圾。

▲班登福全山莊的溝渠屬於U型水涵，該溝渠最低處囤積油漬，導致溝渠阻塞。

▲黎濶昌(右一)與安邦再也市議會官員巡視班登福全山莊馬朱3/1路後巷溝渠，並要求承包商盡快清理溝渠。





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 MEI 2018 (SELASA)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Riadah Waktu Malam
Muka Surat	N29- N31





BERKAYUH KELILING KL

Orang ramai boleh bersantai sambil melihat keindahan Kuala Lumpur

2



3



FOKUS

DARI MUKA N29

Tambahan pula, bagi sesetengah individu yang aktif dalam aktiviti sukan rekreasi misalnya memerlukan latihan secara konsisten dalam memastikan mereka dapat mengekalkan momentum stamina untuk kejohanan yang berlangsung selepas Ramadan.

Sebenarnya di Malaysia terdapat pelbagai lokasi yang menarik untuk dikunjungi orang ramai ketika malam sama ada untuk aktiviti bersantai bersama keluarga mahupun kegiatan membabitkan latihan sukan.

Apatah lagi sektor pelancongan di Malaysia juga sudah lama memperluaskan lokasi yang menarik untuk dikunjungi ketika malam dengan memperkenalkan pelbagai produk kepada pelancong tempatan dan asing.

Misalnya, keindahan Kuala Lumpur saat menjelang malam boleh disaksikan pelancong jika menaiki bas mengelilingi kotaraya metropolitan itu.

Maka, tidak hairanlah di kawasan segi tiga emas itu juga turut meriah

dengan pelbagai hiasan lampu berwarna-warni yang menerangi jalan tertentu, sekali gus mampu menjadikan kawasan tumpuan pelancong itu lebih hidup.

Pengarah Pusat Pelancongan Malaysia (MaTic), Zain Azrai Rashid berkata, orang ramai yang ingin beriadah melihat keindahan Kuala Lumpur pada waktu malam boleh berbuat demikian dengan menaiki basikal disediakan operator pelancongan.

Beliau berkata, aktiviti berbasikal di kawasan Kuala Lumpur membabitkan laluan warisan sememangnya mampu memberi kesan positif kepada pelancong untuk mengenali tinggalkan khazanah negara terutama bangunan sejarah.

"Ramadan bukan menjadi penghalang kepada orang ramai untuk beriadah kerana boleh dikatakan setiap negeri mempunyai produk pelancongan tersendiri yang boleh dinikmati pada waktu malam.

"Jika di Kuala Lumpur meriah dengan kayuhan berbasikal di kawasan warisan, mungkin di negeri lain juga ada aktiviti seperti itu menjelang malam yang membabitkan laluan menarik

untuk dikunjungi orang ramai," katanya.

Selain itu, aktiviti larian juga antara menarik perhatian kerana terdapat banyak lokasi sesuai yang menjadi tumpuan untuk meninjau keindahan malam.

Di kawasan bandar, larian pada waktu malam sangat sesuai dilakukan di kawasan taman atau kediaman yang selamat untuk aktiviti itu.

Paling popular, sudah pasti Taman KLCC yang sentiasa menjadi tumpuan warga kota untuk melakukan aktiviti berkenaan kerana selain selamat, terdapat juga pelbagai bentuk trek disediakan.

Tidak ketinggalan bagi si pelari denai pula, terdapat pelbagai kawasan denai atau bukit yang sering mendapat perhatian peminat untuk mengunjunginya ketika malam terutama lokasi berhampiran kawasan bandar.

Pengalaman penulis sendiri menyertai pendakian di beberapa bukit popular berhampiran Kuala Lumpur ternyata sentiasa meriah dengan kehadiran pendaki selepas waktu terbuka puasa.

Malah, ada juga antara mereka yang bukan sekadar mendaki malah melakukan amalan lain seperti solat



1. **BERBASIKAL** di kawasan bandar menjadi aktiviti menarik menjelang malam.

2. **MERCU** tanda di Istana Bukit Serene, Johor menjadi perhatian pengunjung.

3. **KAWASAN** tinggalan warisan hidup dilimpahi cahaya ketika malam.

4. **PEMANDANGAN** Sungai Melaka ketika malam dengan pelbagai aktiviti hiburan.

5. **BUKIT Broga** antara lokasi mendaki menjelang malam yang popular.

6. **KEMUDAHAN** bas persiaran khas untuk orang ramai melihat keindahan malam di pusat bandar Kuala Lumpur.

7. **BANDARAYA** Kuala Lumpur yang hidup menjelang malam nyata mampu menarik perhatian pelancong asing.

8. **PELBAGAI** restoran yang beroperasi ketika malam yang melengkapkan aktiviti riadah.

9. **TERDAPAT** juga taman tema yang beroperasi ketika malam.

10. **PENGUNJUNG** teruja dengan keindahan ribuan cahaya ketika malam.

INFO

10 LOKASI MENARIK UNTUK BERICHAH ATAU REKREASI PADA WAKTU MALAM DI MALAYSIA.

1. **PUTRAJAYA**, Wilayah Persekutuan

2. **JALAN BUKIT BINTANG**, Kuala Lumpur

3. **BUKIT BROGA**, Selangor

4. **JALAN STRAITS VIEW**, Bukit Serene, Johor Bahru, Johor

5. **TAMAN KLCC**, Kuala Lumpur

6. **BUKIT TABUR**, Selangor

7. **UNIVERSITI MALAYA**, Kuala Lumpur

8. **TAMAN REKREASI LEMBAH KIARA**, Kuala Lumpur

9. **BUKIT WAWASAN**, Puchong

10. **BUKIT GADING**, Selangor

sunat dan mengadakan tazkirah dalam kalangan pendaki di puncak bukit. Menarik bukan?

Mengulas berkenaan lokasi tarikan pelancong di kawasan rekreasi, Zain berkata, sememangnya banyak kawasan bukit selamat untuk dikunjungi pelancong yang ingin mendaki pada waktu malam.

Bagaimanapun, katanya, aspek keselamatan perlu diberi perhatian terutama jika mendaki secara berkumpulan dan mendapatkan khidmat penunjuk arah bagi memastikan risiko kemalangan atau hilang dapat dielakkan.

"Biasanya ada pihak berkuasa yang memantau dan mengawal selia lokasi tumpuan ramai. Namun, masyarakat juga perlu mengambil tahu mengenai tanggungjawab mereka ketika melakukan aktiviti rekreasi pada waktu malam.

"Paling penting, utamakan keselamatan diri dan sebaiknya lakukan secara berkumpulan kerana lebih selamat serta dapat mengurangkan risiko kemalangan. Tambahan pula, aktiviti riadah seperti mendaki jika dilakukan secara berkumpulan lebih seronok," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 MEI 2018 (SELASA)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	SELAMATKAN BUMI!
Muka Surat	M27- M28

PT3 Tel: 1-300-22-6787 Faks: 03-2056 7081 PP 8107/04/2013 (032337) **NO. 1095**

SELASA 22.05.2018 **BH MINDA** bhminda@bh.com.my

PERSONALITI
Yasmin Batrisyia azam
sertai Sukan Olimpik 2024
M.29

31 BAHASA MELAYU
Ayat Perintah dan
Ayat Seruan

34 MATEMATIK
Pembinaan
Geometri

SELAMATKAN BUMI!

*BH 22/5/18 M/S
M/S M27-28*

Oleh Maria Uffa Zulkafeli
maria.uffa@bh.com.my

Gombak

Pelbagai usaha dijalankan bagi mengurangkan penggunaan beg plastik dalam kehidupan seharian, antaranya melalui kempen kesedaran dan pelaksanaan program kitar semula.

Pelajar yang juga pewaris negara pada masa depan menjadi golongan paling penting untuk diberikan pendedahan berhubung perkara itu bagi memastikan pencemaran membabitkan beg plastik di negara ini dapat dikurangkan.

Walaupun berdepan pelbagai cabaran untuk menangani masalah pencemaran itu, komitmen yang jitu perlu dilakukan demi menjaga kepentingan generasi akan datang, sekali gus memenuhi harapan rakyat ke arah negara maju. **Lihat M.28**

Kurangkan penggunaan beg plastik demi menjaga kepentingan generasi akan datang

Membimbing Ke Arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Layari www.FullMark.com.my untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak soalan PT3

Isu Semasa

➔ Melupus plastik melalui kaedah pembakaran akan membebaskan gas berasid, menghasilkan hujan asid

Dari Muka 27

Kira-kira 500 bilion ke satu trilion beg plastik digunakan di serata dunia dalam tempoh setahun, iaitu lebih sejuta beg plastik dalam tempoh seminit dengan berbilion beg berkenaan dipercayai menjadi sampah dalam sekelip mata. Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Puan Siti Zaleha Ibrahim, berkata Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara mengenal pasti plastik sebagai sumber buangan kedua terbesar negara dengan sisanya memerlukan masa beratus tahun untuk diurai.

Beliau berkata, sehubungan dengan itu, tema sambutan Hari Bumi tahun ini, *End Plastic Pollution* mengajak masyarakat termasuk pelajar untuk menghargai alam sekitar melalui usaha menghentikan pencemaran beg plastik adalah amat bertepatan.

Hujan asid

"Plastik yang mengandungi sisa toksik berbahaya apabila dibuang di merata tempat akan menyebabkan bahan berbahaya itu meresap ke dalam tanah, sekali gus men-

Hentikan pencemaran plastik



Puan Siti Zaleha Ibrahim (empat dari kiri) bersama Pengetua SMK Hillcrest, Alimah Abu Noh (enam dari kiri) dan tetamu jemputan ketika merasmikan Sambutan Hari Bumi 2018 di Sekolah Menengah Kebangsaan Hillcrest, Gombak, baru-baru ini.

cemarkan air yang mengalir melalui tanah berkenaan.

"Sekiranya penggunaan plastik dapat dikurangkan atau dihapuskan, masalah pencemaran air juga dapat dikurangkan atau tidak akan berlaku," katanya. ketika merasmikan Sambutan Hari Bumi 2018 peringkat negeri Selangor, baru-baru ini.

Selain diperbuat daripada petroleum, Puan Siti Zaleha berkata, plastik yang mengandungi karbon dan hidrogen boleh membebaskan gas berasid dan

menyebabkan penghasilan hujan asid apabila dibakar.

"Hujan asid berupaya membahayakan kesihatan manusia, malah boleh mengugut ekologi alam seperti kesuburan tanah untuk aktiviti pertanian.

Kitar semula

"Malangnya, orang ramai suka mengumpul dan membuang sampah sarap yang terdiri daripada plastik serta ada yang bertindak membakar sampah untuk melupuskannya dengan cepat

tanpa memikirkan kesan pencemarannya," katanya.

Beliau berkata, memproses semua bahan buangan plastik bagi digunakan semula mampu mengurangkan penggunaan bahan berbahaya itu, sekali gus dapat mengatasi masalah kekurangan tempat pelupusan sampah.

"Selain itu, kempen Hari Tanpa Beg Plastik yang dilaksanakan di negeri ini untuk mengurangkan penggunaan plastik mampu menyemai semangat cinta



Sebahagian daripada kakitangan sekolah dan pelajar menyumbangkan barangan terpakai untuk dikitar semula.

info.

Langkah mengurangkan penggunaan beg plastik

- ➔ Bawa beg sendiri ketika membeli-belah
- ➔ Rancang pembelian dengan mengelak barangan yang tidak perlu
- ➔ Kitar semula beg plastik secara kreatif
- ➔ Bawa bekas makanan sendiri ketika membeli makanan untuk dibawa pulang

akan alam sekitar dalam kalangan rakyat.

"Kempen ini memberi impak positif kepada alam sekitar bukan sahaja untuk masa sekarang, malah untuk tatapan generasi akan datang," katanya.

Program di sekolah buka minda pelajar pelihara alam sekitar

Gombak: Masalah pencemaran alam sekitar tidak terhad kepada sesebuah negara sahaja dengan kesannya berupaya merosakkan bumi dan memberi implikasi kepada penduduk di pelbagai tempat.

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hillcrest, di sini, Puan Alimah Abu Noh, berkata pelbagai aktiviti menjaga alam sekitar wajar dilaksanakan di sekolah untuk menyampaikan mesej penting kepada masyarakat, termasuk pelajar bagi bersama-sama menangani isu pencemaran, sekali gus mencintai

alam sekitar yang bersih.

Katanya, setiap anggota masyarakat perlu bekerjasama dalam memastikan alam sekitar terjaga dan kehijauan bumi sentiasa terpelihara.

"Walaupun pembangunan perlu dijalankan demi kesejahteraan rakyat, usaha itu hendaklah dilakukan dengan mengambil kira kesannya kepada alam sekitar," katanya.

Buka minda

Selain itu, Puan Alimah menyeru kepada semua pihak, termasuk pelajar untuk menggunakan kemudahan teknologi

komunikasi maklumat (ICT) untuk mendapatkan maklum balas dan input daripada semua pihak yang berkepentingan bagi membantu kerajaan dalam melestarikan alam sekitar.

"Sambutan Hari Bumi merupakan satu landasan terbaik untuk memperkasakan diri, keluarga dan masyarakat ke arah kelestarian alam sekitar," katanya.

Sementara itu, pelajar SMK Hillcrest, Harith Syazwan Shaharil, berkata program yang dijalankan di sekolah membantu meningkatkan pengetahuan remaja mengenai



Puan Alimah Abu Noh



Harith Syazwan Shaharil

kepentingan menjaga alam sekitar dan bumi.

Katanya, pembabitin pelajar dalam program seperti ceramah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dapat mengingatkan mereka mengenai tanggungjawab memelihara bumi bagi meneruskan kehidupan masa depan.

"Kebanyakan remaja kurang mengambil peduli mengenai perihal menjaga alam sekitar, justeru, program sambutan Hari Bumi yang diadakan di sini dapat membuka minda kami untuk terus memelihara alam sekitar," katanya.